**PMR 1996**

**Soalan 38** berdasarkan dialog di bawah.

| | |
|---|---|
| *Dato' Onn:* | *Keanggotaan UMNO hendaklah dibuka kepada orang bukan Melayu.* |
| *Ahli UMNO:* | *Kami tidak setuju! Tidak setuju!* |

**38** Dialog di atas berlaku pada tahun 1951 antara Dato' Onn dengan ahli UMNO.

Mengapakah Dato' Onn mencadangkan idea tersebut?

**A** Untuk memberi peluang semua kaum memerintah Tanah Melayu
**B** Untuk menggabungkan semua kaum dalam satu parti
**C** Untuk menjaga kepentingan ekonomi semua kaum
**D** Untuk membanteras kegiatan komunis

**PMR 1997**

**Soalan 29** berdasarkan pernyataan di bawah.

> *Laporan Barnes telah mengesyorkan untuk mengadakan satu jenis sekolah sahaja di peringkat rendah bagi semua pelajar.*

**29** Berdasarkan pernyataan di atas, apakah tujuan syor tersebut?

**A** Untuk menyamakan kurikulum sekolah vernakular
**B** Untuk menggalakkan orang Melayu mendapat pendidikan
**C** Untuk membentuk satu sistem pendidikan yang seragam
**D** Untuk menggalakkan penggunaan buku teks yang seragam

**Soalan 37** berdasarkan rajah di bawah.




**37** Rajah di atas menunjukkan parti politik yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar.

Mengapakah beliau bertindak keluar dari **P** dan menubuhkan **Q** dan **R**?

**A** Beliau memperjuangkan kepentingan kaum lain
**B** Beliau gagal mendapat sokongan ahli UMNO
**C** Beliau mendapat sokongan daripada pemimpin kaum lain
**D** Beliau berselisih faham dengan pemimpin UMNO

**Soalan 34** berdasarkan jadual di bawah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1953 | Parti Perikatan mengadakan Konvensyen Kebangsaan |
| 1953 | Parti Kemerdekaan Tanah Melayu menganjurkan Perundingan Kebangsaan |

**34** Berdasarkan jadual di atas, apakah persamaan tuntutan oleh kedua-dua parti politik tersebut?

**A** Menamatkan darurat
**B** Mengadakan pilihan raya kebangsaan
**C** Meningkatkan taraf hidup rakyat
**D** Mengembalikan kedaulatan sultan

ANDREWCHOO

35 Isu kewarganegaraan menimbulkan ketegangan dalam Parti Perikatan dan mengancam perpaduan penduduk Tanah Melayu.

Perkara manakah yang dapat mengurangkan ketegangan itu?

A Semangat tolak ansur pemimpin parti
B Pengenalan Sistem Ahli
C Campur tangan British dalam Parti Perikatan
D Kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

36 Mengapakah kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Kebangsaan 1955 dianggap masih belum mencapai matlamat sebenar?

A Perpaduan antara kaum belum wujud
B Taraf hidup orang Melayu belum meningkat
C Kemerdekaan Tanah Melayu belum tercapai
D Ancaman komunis belum dihapuskan

**PMR 1998**

**Soalan 42** berdasarkan jadual di bawah.

| | |
|---|---|
| X | Mengeratkan hubungan antara penduduk berbilang bangsa |
| | Mewujudkan kerjasama antara kaum |

**42** X dalam jadual di atas berkaitan dengan

A Jawatankuasa Antara Kerajaan
B Jabatan Perpaduan Rakyat
C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

**60** Sistem Ahli diperkenalkan pada bulan April 1951.

Antara berikut yang manakah menjelaskan sistem tersebut?

I Tokoh yang dipilih mewakili setiap kaum
II Anggota yang dipilih mendapat sokongan golongan bangsawan tradisional
III Tokoh politik berkuasa dalam bidang tertentu
IV Beberapa jabatan kerajaan diletakkan di bawah kawalan ahli Majlis Undangan Persekutuan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

**PMR 1999**

**Soalan 42** berdasarkan petikan di bawah.

> "Satu daripada dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini ialah untuk mengubah corak semua sekolah rendah dan menengah supaya bercorak Tanah Melayu ..."
>
> *Perenggan 115*
> *Penyata Razak 1956*

**42** Bagaimanakah dasar tersebut dilaksanakan?

A Penggunaan satu bahasa pengantar
B Penyeragaman sukatan pelajaran
C Penggunaan buku teks tempatan
D Penyeragaman latihan perguruan

ANDREWCHOO

**Soalan 43** berdasarkan rajah di bawah.




**43** Perundingan tersebut di atas telah diadakan berikutan peletakan jawatan ahli UMNO dan MCA di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1955.

Apakah persetujuan yang dicapai dalam perundingan tersebut?

**A** Tiga perlima ahli Majlis Undangan Persekutuan adalah wakil rakyat
**B** Tanah Melayu diberi kemerdekaan setelah semua kaum bersatu
**C** Parti-parti politik dibenar mengadakan konvensyen tahunannya
**D** Semua kaum diberi peluang menganggotai pentadbiran kerajaan

## PMR 2000

**34** Mengapakah Parti Perikatan mendesak penjajah British mengadakan pilihan raya umum pertama pada tahun 1955?

**A** Mempercepatkan proses kemerdekaan
**B** Menyatupadukan rakyat berbilang kaum
**C** Mempertingkatkan taraf ekonomi negara
**D** Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

**47** Isu yang menimbulkan penentangan orang bukan Melayu terhadap laporan Barnes ialah

**A** mengetepikan penggunaan bahasa Cina dan bahasa Tamil
**B** mencadangkan kurikulum yang sama di semua sekolah
**C** menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
**D** menyekat perkembangan sekolah mubaligh

## PMR 2001

**Soalan 40** berdasarkan rajah di bawah.




**40** Rajah di atas merupakan masalah yang menghalang X.

Apakah X?

**A** Kemerdekaan
**B** Pentadbiran
**C** Perpaduan
**D** Kemajuan

**Soalan 41** berdasarkan pernyataan di bawah.

> Henry Gurney telah memperkenalkan Sistem Ahli pada April 1951.

**41** Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesan daripada pelaksanaan sistem tersebut?

I Perpaduan antara kaum dapat diwujudkan
II Pemimpin tempatan terlibat dalam pilihan raya
III Penglibatan semua kaum dalam bidang ekonomi
IV Pemimpin tempatan mendapat latihan tentang pentadbiran

**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

## PMR 2003

ANDREWCHOO

**37** Mengapakah British menggalakkan perpaduan di kalangan rakyat Tanah Melayu?

I Memupuk semangat kebangsaan
II Menghapuskan pemberontakan komunis
III Memastikan kepentingan ekonomi terjamin
IV Mengukuhkan sistem pemerintahan tempatan

**A** I dan II  **C** III dan IV
**B** II dan III  **D** I dan IV

**38** Mengapakah Parti Negara kalah dalam Pilihan Raya Umum Pertama di Tanah Melayu pada tahun 1955?

**A** Penyokong parti berpaling tadah
**B** Pengaruh golongan kiri dalam parti
**C** Memperjuangkan semangat kenegerian
**D** Menjalin hubungan yang erat dengan British

**PMR 2004**

**Soalan 38** berdasarkan maklumat di bawah.

> Dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur 1952 UMNO dan MCA saling bekerjasama.

**38** Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah keadaan tersebut berlaku?

I Merupakan pertubuhan mantap
II Menjamin masa depan yang cerah
III Menyokong pemberian hak kerakyatan
IV Mempunyai sumber kewangan yang kukuh

**A** I dan II  **C** III dan IV
**B** II dan III  **D** I dan IV

**Soalan 39** berdasarkan rajah di bawah.

- UMNO
- MIC
- MCA

→ Kemerdekaan Tanah Melayu 1957

**39** Kerjasama parti politik di atas diibaratkan

**A** *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*
**B** *carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*
**C** *hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah*
**D** *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat*

**Soalan 40** berdasarkan maklumat di bawah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| Februari 1954 | Konferensi Nasional |

**40** Persidangan di atas dianjurkan untuk membincangkan

**A** pindaan syarat kerakyatan
**B** penggubalan perlembagaan
**C** pembentukan sistem ahli
**D** kepentingan pilihan raya

**41** Sistem Ahli telah diperkenalkan untuk melatih orang Melayu dan kaum lain dalam pentadbiran Tanah Melayu.

Siapakah yang telah mencetuskan idea penubuhan sistem tersebut?

**A** Dato' Mahmud Mat
**B** Dato' Onn Ja'afar
**C** Tunku Abdul Rahman
**D** E.E.C. Thuraisingam

ANDREWCHOO

**Soalan 48** berdasarkan maklumat di bawah.

- Pilihan Raya Majlis Bandaran
- Pilihan Raya Negeri
- Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

**48** Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?
**A** Ke arah berkerajaan sendiri
**B** Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
**C** Melahirkan generasi yang berwibawa
**D** Menyemai kerjasama antara kaum dengan lebih erat

## PMR 2005

| **Tahun 1954** |
|---|
| • Konferensi Nasional<br>• Konvensi Nasional |

**47** Apakah tujuan konferensi dan konvensi di atas?
**A** Memupuk perpaduan kaum
**B** Membanteras kegiatan komunis
**C** Melonggarkan syarat kerakyatan
**D** Menyeragamkan sistem pentadbiran

| Tahun | Parti Politik |
|---|---|
| 1951 | *Independence of Malayn Party* |
| 1954 | Parti Negara |

**48** Jadual di atas menunjukkan parti yang ditubuhkan oleh Dato' Onn bin Ja'afar

Mengapakah Dato' Onn menubuhkan kedua-kedua parti di atas?
**A** Memupuk kerjasama kaum
**B** Memperjuangkan kepentingan agama
**C** Meningkatkan taraf hidup orang Melayu
**D** Memajukan pendidikan masyarakat tempatan

## PMR 2006

| Sistem Persekolahan Lama | | → | Jawatankuasa Barnes | |
|---|---|---|---|---|
| Rendah | Menengah | | Rendah | Menengah |
| Bahasa Inggeris<br>Bahasa Melayu<br>Bahasa Cina<br>Bahasa Tamil | Bahasa Inggeris | | Bahasa Inggeris<br>Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris |

**48** Jadual di atas menunjukkan perubahan bahasa pengantar daripada sistem persekolahan lama kepada sistem persekolahan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Barnes.

Mengapakah perubahan tersebut dicadangkan?
**A** Mewujudkan perpaduan
**B** Meningkatkan taraf hidup
**C** Melahirkan golongan pentadbir
**D** Menjimatkan perbelanjaan pengurusan

| Tahun 1951 | | Tahun 1966 |
|---|---|---|
| Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) | Bertukar kepada → | Majlis Amanah Rakyat (MARA) |

**49** Rajah di atas menunjukkan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Apakah tujuan penubuhannya?
**A** Memasarikan hasil keluaran
**B** Mengenal pasti masalah penduduk
**C** Membaiki taraf hidup kaum peribumi
**D** Menghapuskan pengenalan kaum mengikut ekonomi

ANDREWCHOO

- Mengadakan sistem sekolah umum
- Menyeragamkan sukatan pelajaran
- Mewajibkan pendidikan sekolah rendah

**50** Senarai di atas merujuk kepada ciri cadangan laporan pelajaran Tanah Melayu pada zaman British.

Ciri tersebut berkaitan dengan

**A** Laporan Barnes 1951
**B** Laporan Fenn-Wu 1951
**C** Ordinan Pelajaran 1952
**D** Laporan Razak 1956

**PMR 2007**

- Mencapai kemerdekaan negara
- Mewajibkan pendidikan rendah
- Melindungi hak raja-raja Melayu

**48** Maklumat di atas merupakan manifesto sebuah parti dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah parti tersebut?

**A** Parti Islam Se-Malaya
**B** Parti Perikatan
**C** Parti Negara
**D** Parti Malaya Merdeka

1956 — Laporan Razak
1952 — Ordinan Pelajaran 1952
1951 — Laporan Barnes

**49** Garis masa di atas menerangkan laporan pelajaran di Tanah Melayu.

Mengapakah laporan tersebut diperkenalkan?

**A** Menyebarkan ideologi parti
**B** Mempamerkan identiti kaum
**C** Memperkaya budaya bangsa
**D** Melahirkan semangat perpaduan

**PMR 2008**

**47** Garis masa berikut menerangkan perkembangan pilihan raya di Tanah Melayu.

1955 — Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
1954 — Pilihan Raya Negeri
1951 — Pilihan Raya Majlis Bandaran

Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?

I Membentuk Sistem Ahli
II Memelihara hak orang Melayu
III Merintis ke arah berkerajaan sendiri
IV Mengasaskan sistem pemerintahan demokrasi

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**48** Tokoh berikut telah berjasa kepada negara kita.

- Dato' Onn bin Jaafar
- Tun Tan Cheng Lock
- Dato' E.E.C. Thuiraisingam

Apakah jasa mereka?

**A** Menyertai Rombongan Merdeka
**B** Mewujudkan persefahaman antara kaum
**C** Menganggotai Suruhanjaya Reid
**D** Membentuk dasar kerajaan

**49** Bagaimanakah tokoh dalam Gambar 3 berusaha mewujudkan perpaduan kaum di Tanah Melayu?



Dato' Onn bin Jaafar

Gambar 3

**A** Mencadangkan Sistem Ahli
**B** Menubuhkan Parti Perikatan
**C** Menggubal Perlembagaan Merdeka
**D** Membentuk dasar pelajaran kebangsaan

**PMR 2009**

**48** Maklumat berikut berkaitan dengan Sistem Ahli yang dilaksanakan pada tahun 1951.

- Kabinet bayangan
- Anggotanya dikenali sebagai Ahli

Mengapakah sistem tersebut diperkenalkan?
**I** Menggubal undang-undang
**II** Memupuk perpaduan kaum
**III** Melatih kepimpinan tempatan
**IV** Mengembalikan kuasa sultan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**49** Dialog berikut mungkin berlaku di negara kita semasa Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955.

| | | |
|---|---|---|
| Hamidah | : | Mari kita pergi mengundi. |
| Mei Ling | : | Baiklah. Kaum wanita pun diberi hak mengundi seperti kaum lelaki. |

Mengapakah mereka perlu keluar mengundi?
**A** Melaksanakan amalan demokrasi
**B** Mempertahan maruah bangsa
**C** Memperkukuh perpaduan kaum
**D** Menjamin kedaulatan undang-undang

**50** Mengapakah British melonggarkan syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1951?
**A** Meningkatkan jumlah penduduk
**B** Menjamin taat setia golongan imigran
**C** Menggalakkan kemasukan buruh asing
**D** Mengimbangi bilangan penduduk peribumi

**51** Maklumat berikut berkaitan dengan manifesto sebuah parti yang bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Merdeka dalam empat tahun
- Menamatkan darurat
- Mewajibkan pendidikan rendah

Apakah parti tersebut?
**A** Parti Buruh
**B** Parti Negara
**C** Parti Perikatan
**D** Parti Islam Se-Malaya

**52** Pada tahun 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya yang dianggotai oleh pegawai kanan British dan wakil parti politik telah ditubuhkan di Tanah Melayu.

Mengapakah British menubuhkan jawatan-kuasa tersebut?
**A** Melanjutkan proses berkerajaan sendiri
**B** Membentuk perpaduan kaum
**C** Memenuhi hasrat rakyat
**D** Menamatkan penjajahan

**54** Senarai berikut adalah kandungan Perlembagaan Merdeka yang diterima oleh pelbagai kaum di negara kita.

- Kedudukan istimewa orang Melayu
- Kerakyatan terbuka
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada sikap pelbagai kaum yang menerima perlembagaan tersebut?
**A** Bersifat amanah
**B** Berbudi bahasa
**C** Tolak ansur
**D** Tolong-menolong

ANDREWCHOO

**PMR 2010**

**47** Persidangan berikut dianjurkan oleh parti-parti politik di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan.

- Konferensi Nasional
- Konvensi Nasional

Mengapakah persidangan tersebut dianjurkan?

**A** Menentang gerakan radikal
**B** Mewujudkan kerjasama antara kaum
**C** Memantapkan sistem pendidikan
**D** Merangka perlembagaan negara

**48** Mengapakah Dato' Onn bin Jaafar menubuhkan parti berikut?

- Parti Negara
- *Independence of Malaya Party* (IMP)

**A** Memperkukuh perpaduan rakyat
**B** Memupuk kesedaran kebangsaan
**C** Menjayakan Konvensi Nasional
**D** Mengukuhkan Parti Perikatan

**50** Perpaduan kaum merupakan syarat utama bagi menjamin kestabilan politik di Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka.
Bagaimanakah perpaduan kaum dapat dipupuk bagi mencapai tujuan di atas?

**A** Memantapkan perkhidmatan kerajaan
**B** Memajukan bidang ekonomi
**C** Menggabungkan parti-parti
**D** Mewujudkan sistem perhubungan

**PMR 2011**

**48** Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem pendidikan di negara kita.

| **Sebelum Merdeka** |
|---|
| Sekolah vernakular menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar. |

↓

| **Selepas Merdeka** |
|---|
| Sekolah vernakular beransur-ansur menjadi sekolah umum yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. |

Mengapakah perubahan tersebut dilakukan?

**A** Mewujudkan perpaduan kaum
**B** Menambah peluang pekerjaan
**C** Mengekalkan identiti kaum
**D** Melahirkan tenaga mahir

**49** Pada tahun 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk di Tanah Melayu.
Mengapakah jawatankuasa tersebut dibentuk?

**A** Menamatkan zaman darurat
**B** Menyeragamkan pentadbiran
**C** Melaksanakan amalan demokrasi
**D** Menggubal undang-undang

**50** Apakah yang berkaitan dengan maklumat berikut?

- Terdiri daripada Sembilan orang anggota
- Merupakan kabinet bayangan

**A** Sistem Ahli
**B** Majlis Bandaran
**C** Majlis Perundangan Persekutuan
**D** Jawatankuasa Antara Kerajaan

ANDREWCHOO

**51** Jadual berikut berkaitan dengan Sistem Ahli pada tahun 1951.

| Ahli | Portfolio |
|---|---|
| Dato' Onn bin Jaafar | Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri |
| Dato' E.E.C. Thuraisingam | Ahli Pelajaran |
| Dr. Lee Tiang King | Ahli Kesihatan |

Mengapakah British melantik ahli tersebut dari kalangan pelbagai kaum?

**A** Memperkukuh kerajaan pusat
**B** Memperkuat asas perpaduan
**C** Memenangi hati rakyat tempatan
**D** Menyeragamkan sistem pentadbiran

## PMR 1997

**Soalan 34** berdasarkan jadual di bawah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1953 | Parti Perikatan mengadakan Konvensyen Kebangsaan |
| 1953 | Parti Kemerdekaan Tanah Melayu menganjurkan Perundingan Kebangsaan |

**34** Berdasarkan jadual di atas, apakah persamaan tuntutan oleh kedua-dua parti politik tersebut?

**A** Menamatkan darurat
**B** Mengadakan pilihan raya kebangsaan
**C** Meningkatkan taraf hidup rakyat
**D** Mengembalikan kedaulatan sultan

**35** Isu kewarganegaraan menimbulkan ketegangan dalam Parti Perikatan dan mengancam perpaduan penduduk Tanah Melayu.

Perkara manakah yang dapat mengurangkan ketegangan itu?

**A** Semangat tolak ansur pemimpin parti
**B** Pengenalan Sistem Ahli
**C** Campur tangan British dalam Parti Perikatan
**D** Kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

**36** Mengapakah kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Kebangsaan 1955 dianggap masih belum mencapai matlamat sebenar?

**A** Perpaduan antara kaum belum wujud
**B** Taraf hidup orang Melayu belum meningkat
**C** Kemerdekaan Tanah Melayu belum tercapai
**D** Ancaman komunis belum dihapuskan

**X**
- Syarat kerakyatan orang bukan Melayu dilonggarkan
- Pilihan raya diperkenalkan
- Orang Melayu diberi bantuan ekonomi

**51** Maklumat dalam rajah di atas merupakan kompromi yang dilakukan oleh **X**.

**X** ialah

**A** Suruhanjaya Reid
**B** Parti Malaya Merdeka
**C** Jawatankuasa Antara Kaum
**D** Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu

**(JAWAPAN C: NOTA 2a ii)**

ANDREWCHOO